

# MEMBELA

YAYASAN  
JCorp

Waste to Wonders:

## Mengaktifkan Kitar Semula dalam Komuniti

Inisiatif "Waste to Wonders" anjuran Yayasan JCorp berjaya memupuk kesedaran penjagaan alam sekitar apabila sebanyak 5 tan bahan kitar semula dapat dikumpul pada program tersebut. Program ini diadakan pada 9 Februari 2025 di B5 Johor Street Market hasil kerjasama dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan SWM Environment. Melalui usaha sama ini, pelbagai jenis bahan seperti kertas, plastik, aluminium, barangan elektronik, fabrik, dan minyak masak terpakai berjaya dikumpulkan. Jumlah kutipan yang besar ini membuktikan bahawa komuniti akan berminat untuk turut serta dengan aktiviti kitar semula yang dianjurkan apabila diberi peluang dan kemudahan. Dengan menerima pelbagai jenis bahan, program ini memudahkan komuniti setempat menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar, sekali gus menunjukkan kebersamaan komuniti dalam menjaga alam sekitar.

Selain daripada kejayaan pengumpulan bahan kitar semula, program ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan amalan kitar semula dalam masyarakat setempat. Menerusi program ini

juga dapat mempromosikan inisiatif Hab Kitar Semula yang dijayakan oleh Yayasan JCorp di B5 Johor Street Market sejak November 2023. Inisiatif ini menunjukkan strategi jangka panjang Yayasan JCorp yang bukan sekadar menganjurkan kempen kitar semula, namun turut membina dan menyediakan kemudahan kekal di kawasan komuniti. Program ini juga menjadi bukti komitmen berterusan Yayasan JCorp dalam usaha memelihara kelestarian alam sekitar.

Aktiviti-aktiviti menarik seperti kempen derma dan pertukaran buku, "pound fit" dan pertandingan mewarna telah menggalakkan lagi penyertaan ke program ini.

Penglibatan Majlis Bandaraya Johor Bahru, SWM Environment serta pelajar dari institusi pendidikan tempatan dan antarabangsa menunjukkan sokongan pelbagai pihak terhadap inisiatif komuniti Yayasan JCorp. Kerjasama ini bukan sahaja menyumbang kepada kejayaan program, malah memupuk rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar dalam kalangan semua peserta.



### Impak Program

▶ Berjaya mengumpul lebih **5 tan** bahan kitar semula, termasuk **2,962kg** untuk **Kitarecycle**, **1,384kg** fabrik, dan **888kg** minyak terpakai.

▶ Melibatkan **50 sukarelawan** daripada Sahabat Yayasan JCorp, Institut Pendidikan Guru Temenggong Ibrahim dan University of Southampton Malaysia.

▶ Menarik **120** peserta menyertai aktiviti pandu lalu  
**70** peserta **Pound Fit**  
**100** peserta menyertai pertandingan mewarna


### Objektif Program

- Menggalakkan kesedaran kitar semula dalam komuniti.
- Memudahkan usaha kitar semula melalui hab pandu lalu.
- Memperkukuhkan penglibatan komuniti dalam inisiatif kitar semula.

Matlamat Pembangunan Mampan




Imbas kod QR untuk menyaksikan video maklum balas peserta bagi program Waste to Wonders



Tempoh suku tahun pertama ini menyaksikan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan inisiatif berimpak besar oleh Yayasan JCorp. Komitmen kami terhadap pendidikan, kelestarian alam sekitar, pemeliharaan budaya dan kesejahteraan masyarakat kekal utuh. Kami berharap dapat meneruskan usaha-usaha ini dalam mewujudkan masa depan yang positif dan mampan untuk negeri Johor.

# Isi Kandungan

- |           |  |    |
|-----------|--|----|
| <b>01</b> | <b>Memperkasa Pendidikan</b>   | 3  |
|           | Menambahbaik modul Projek Tuisyen untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran |    |
|           | Bengkel Membangunkan Sistem Pelaporan Akademi Dalam Industri                   | 4  |
| <b>02</b> | <b>Memperkaya Seni, Budaya &amp; Warisan</b>                                   | 5  |
|           | <i>Battle of the Buskers</i> Meriahkan Pentas Seni Johor!                      |    |
|           | Memelihara Tradisi Kain Benang Johor   | 6  |
| <b>03</b> | <b>Memelihara Alam Sekitar</b>   | 7  |
|           | Inovasi Hab Kitar Semula Memberi Inspirasi kepada Delegasi                     |    |
| <b>04</b> | <b>Menjamin Kesejahteraan Komuniti</b>   | 8  |
|           | Sentiasa Di Sisi Masyarakat: Menyokong Komuniti Sepanjang Ramadan              |    |
| <b>05</b> | <b>Aktiviti Kumpulan JCorp</b>   | 11 |
|           | KPJ Puteri Mengutamakan Kesihatan Komuniti dan Kesejahteraan Mampan            |    |
| <b>06</b> | <b>Kalendar Aktiviti</b>   | 12 |



# Menambahbaik modul Projek Tuisyen untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran

Sejajar dengan komitmen berterusan Yayasan JCorp untuk memperkasa bidang fokus Pendidikan, bengkel pemurnian modul Projek Tuisyen Yayasan JCorp telah diadakan pada 17 hingga 19 Mac 2025. Inisiatif kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) ini berlangsung di Sungai Johor Eco Retreat, Kota Tinggi. Pilihan lokasi yang indah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk peserta fokus kepada aktiviti modul yang telah dirancang. Sesi ini mengumpulkan 25 guru pakar Bahasa Inggeris yang berpengalaman untuk berbincang dalam usaha meningkatkan kualiti bahan pembelajaran. Modul ini memberi tumpuan khusus kepada peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar melalui aktiviti-aktiviti seperti penulisan esei, latih tubi tatabahasa, dan kemahiran komunikasi. Pendekatan yang berfokus ini bertujuan melengkapkan guru dengan kaedah yang lebih mantap bagi membantu pelajar memperbaiki kemahiran bahasa mereka dengan lebih baik.

Kurikulum yang memberi fokus kepada penulisan esei, tatabahasa dan kemahiran komunikasi ini mencerminkan pendekatan yang bersasar untuk memperkukuh asas penguasaan dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Selain itu, penekanan terhadap penyelarasan modul dengan keperluan SPM menunjukkan strategi yang praktikal dan berorientasikan hasil yang secara langsung memenuhi keperluan akademik serta sasaran pencapaian pelajar.



## Objektif Program



Pemurnian modul *Southern Stellar*.



Memastikan kerjasama yang lebih erat dan penerapan bahan berkualiti tinggi untuk memaksimumkan hasil pembelajaran pelajar.



Membangunkan modul akhir selaras dengan keperluan peperiksaan SPM Bahasa Inggeris dan menangani cabaran yang dihadapi oleh pelajar.

## Impak Program

**25**

Guru Bahasa Inggeris dari pelbagai sekolah menyertai bengkel pemurnian selama 3 hari.

Fokus kepada **4 bidang utama**

yang selaras dengan SPM iaitu Mendengar, Menulis, Membaca dan Kemahiran Lisan.

Sehingga kini seramai **14,928** pelajar telah memperoleh manfaat daripada Projek Tuisyen Yayasan.

Lebih **RM2.5 juta** telah diperuntukkan bagi projek tuisyen sejak 2012.



# Bengkel Membangunkan Sistem Pelaporan Akademi Dalam Industri



Yayasan JCorp memperkukuh fokus dalam bidang Pendidikan dengan menganjurkan bengkel bagi membangunkan Sistem Pelaporan komprehensif untuk Akademi Dalam Industri (ADI). Bengkel ini bertujuan menyelaras proses pelaporan data melibatkan pelajar, guru dan pihak industri. Usaha ini membuktikan komitmen Yayasan JCorp dalam memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan pengurusan dan prestasi pendidikan.

Dibangunkan dengan kepakaran profesional dari JPNJ, sistem ini bertujuan meningkatkan kecekapan dengan memudahkan proses kemasukan dan pengurusan data secara digital. Ia juga bertujuan memperluaskan akses kepada data bagi semua pihak berkepentingan, sekali gus memastikan ketelusan dan menyokong proses membuat keputusan. Selain itu, sistem ini menyeragamkan kemasukan data melalui penggunaan format standard yang telah ditetapkan. Usaha ini bukan sahaja menjimatkan masa, malah meningkatkan kualiti dan ketepatan maklumat yang dilaporkan. Matlamat utama inisiatif ini adalah untuk mewujudkan pengalaman pendidikan yang lebih teratur, berkesan dan telus untuk semua pihak yang terlibat dalam program ADI.



## Objektif Program

Membangunkan sistem pelaporan bersepadu yang memastikan kelancaran akses kepada data program ADI.

Menyediakan platform berstruktur untuk kemasukan data menggunakan borang standard yang telah ditetapkan.

Mempercepatkan proses penyediaan dan penyebaran laporan.

Memastikan ketelusan dan kebolehcapaian laporan untuk semua pihak berkepentingan.

## Impak Program

**10**

orang guru bekerjasama membangunkan rangka kerja Sistem Pelaporan ADI semasa bengkel.

Prototaip Sistem Pelaporan ADI berjaya dibangunkan untuk menyokong pengurusan dan pemantauan data.

**1**

Platform berpusat diperkenalkan untuk membolehkan guru, mentor industri dan pentadbir menghantar dan mendapatkan kembali laporan.

Sejak tahun 2023, seramai **64** perantis ADI telah dilahirkan.

Program ADI meraikan kejayaan yang cemerlang apabila kesemua 21 perantis Kohort 1 lulus SPM manakala 22 orang memperoleh sijil MPAK. Seorang pelajar mendapat keputusan semua A dalam SPM, manakala 22 perantis berjaya menerima sijil SKM 2 & 3 melalui program ini.



# Battle of the Buskers Meriahkan Pentas Seni Johor!

## Objektif Program

Memupuk kesedaran alam sekitar dengan mengetengahkan kaedah kitar semula yang kreatif dan amalan kemampunan melalui ekspresi seni.

Menyediakan platform kepada busker, artis, dan usahawan untuk mempamerkan bakat dan menjual produk kitar semula atau kraftangan yang dapat menjana pendapatan selain memberi pendedahan kepada setiap peserta.

Menarik pengunjung dan memberi mereka pengalaman yang tidak dapat dilupakan selain tanda sokongan kepada Tahun Melawat Johor 2026.


## Impak Program



Yayasan JCorp dengan kerjasama rakan strategik, Yayasan Warisan Johor telah memeriahkan persada seni tempatan dengan acara *Battle of the Buskers* yang berlangsung pada 9 Februari 2025 melalui inisiatif Pentas Seni Johor. Acara yang diadakan di B5 Johor Street Market ini mempamerkan pelbagai bakat muzik daripada enam kumpulan muzik tempatan. Pertandingan ini bukan sahaja menyediakan platform untuk setiap artis mempamerkan bakat masing-masing tetapi juga menawarkan mereka peluang untuk menjana pendapatan.

City Eramakustik dinobatkan sebagai juara *Battle of The Buskers* dan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000. Tempat kedua dimenangi oleh Edmire Acoustic yang menerima RM1,500, manakala Artistic di tempat ketiga dengan hadiah bernilai RM1,000. Pertandingan ini menjadi platform penting dalam meraikan bakat seni tempatan, sekali gus memperkukuhkan landskap budaya Johor yang berwarna-warni menjelang Tahun Melawat Johor 2026.

Selain pertandingan busking, pada Pentas Seni Johor turut diadakan *Upcycled Artisan Market* yang menarik serta bengkel *Artchemy*. Aktiviti-aktiviti ini membuka peluang unik kepada peserta untuk mempelajari teknik seni transformatif yang mampu mengubah bahan terpakai menjadi karya seni bernilai. Pengajuran acara-acara ini mencerminkan pendekatan kreatif dan menyeluruh dalam mempromosikan seni serta kelestarian alam sekitar. Jumlah kehadiran pengunjung yang tinggi turut menyerlahkan kejayaan program ini dalam menarik penyertaan pelbagai lapisan komuniti.



Sila imbas kod QR untuk menyaksikan persembahan daripada pemenang anugerah "Fan Favourite" bagi acara *Battle of the Buskers*.

# Memelihara Tradisi Kain Benang Johor

Inisiatif yang dilaksanakan oleh Yayasan JCorp dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor ini bertujuan untuk memelihara dan memperkukuh warisan seni tenunan Johor. Program ini digerakkan melalui tiga teras utama yang saling melengkapi bagi memastikan seni warisan ini terus hidup dan diwarisi oleh generasi akan datang. Teras pertama ialah Penambahbaikan Infrastruktur dan Peralatan, yang memfokuskan kepada penyediaan lima alat tenun tradisional (kek) serta mesin pemrosesan asas. Langkah ini diambil bagi memastikan proses pengeluaran Kain Benang Johor dapat diteruskan secara berterusan dengan kemudahan yang lebih baik dan selamat.

Teras kedua, iaitu Pemerksaan Modal Insan, memberi tumpuan kepada pembangunan bakat tempatan. Latihan asas tenunan ditawarkan kepada golongan belia dan orang kelainan upaya (OKU) di Johor sebagai usaha mewujudkan peluang kemahiran dan kerjaya baharu. Selain itu, lima peserta terbaik akan dipilih dan ditaja untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang tenunan di Institut

Kraf Negara (IKN) bagi memastikan kesinambungan tenaga mahir dalam seni tenunan ini.

Teras ketiga pula ialah Promosi dan Kesedaran, yang bertujuan memperkenalkan dan memartabatkan warisan Kain Benang Johor kepada masyarakat umum. Pelbagai usaha promosi dan kerjasama strategik akan dijalankan bagi memperluas pendedahan dan pasaran tenunan tradisional ini, supaya kekal relevan dan terus berkembang seiring dengan perubahan masa.

Selain itu, sokongan kewangan turut disediakan bagi menggerakkan program ini. Inisiatif ini bukan sahaja membantu memelihara seni warisan negeri, malah menggalakkan inovasi serta penciptaan produk baharu berasaskan tekstil tradisional. Yayasan JCorp juga aktif menyokong pelaksanaan program-program kreatif yang berasaskan produk tenunan tempatan, dalam usaha memupuk kreativiti serta membuka peluang ekonomi kepada komuniti setempat.



## Objektif Program

Memastikan kesinambungan dan kelangsungan seni tenunan tradisional Johor menerusi pembangunan tenaga kerja mahir.

Menyokong artisan tempatan dengan menyediakan peluang untuk membangunkan produk seni berasaskan Kain Benang Johor serta meningkatkan peluang mereka menjana pendapatan.

Membangunkan kerjasama strategik jangka panjang untuk mengukuhkan ekosistem Tenun Johor.

Memperkasa Tenunan Johor sebagai warisan kebanggaan negeri Johor yang diiktiraf bukan sahaja di peringkat tempatan, malah antarabangsa.

## Impak Program

Jumlah sumbangan:  
**RM268,000**

Tajaan  
**5 unit**  
alat tenun (Kek) bernilai  
**RM75,000**

**RM30,000**  
telah disumbangkan untuk menyokong aktiviti dan promosi Kain Benang Johor.


Tajaan bernilai  
**RM15,000**  
untuk Alat Memproses Peringkat Asas.

**5 belia**  
ditaja untuk menghadiri kursus lanjutan SKM di Institut Kraf Negara (RM75,000).

**RM278,941**  
jumlah jualan yang dijana daripada jualan  
**1,442** Kain Benang Johor  
(edisi mampu milik Qalbu).

**10 peserta**  
ditaja untuk menghadiri kursus asas tenunan dengan kos  
**RM61,500**.





### Objektif Program

Menunjukkan kepimpinan mampan dengan menjadikan Hab Kitar Semula sebagai model contoh dalam pengurusan sisa berskala besar.

Untuk memacu pelaksanaan dalam dunia sebenar dengan memberikan Majlis Daerah Kapit kefahaman yang praktikal.

Untuk memperkukuh sokongan dan kerjasama dalam isu alam sekitar melalui penglibatan yang lebih aktif daripada pemegang kepentingan utama.

### Impak Program

Hab kitar semula telah diiktiraf sebagai penanda aras utama pengurusan sisa yang berkesan.

Memulakan perbincangan dengan Majlis Daerah Kapit untuk menyesuaikan usaha kitar semula yang disokong oleh komuniti.

Mempertingkatkan penglibatan dan kerjasama pihak berkepentingan dengan IRDA, MBBJ, dan agensi kerajaan.

Sehingga kini Hab Kitar Semula telah mengumpul sejumlah **13 tan** sisa kitar semula.

## Inovasi Hab Kitar Semula Memberi Inspirasi kepada Delegasi

Inisiatif Kitar Semula Pandu Lalu Yayasan JCorp di B5 Johor Street Market, Johor Bahru, menyambut kunjungan delegasi daripada Majlis Daerah Kapit, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 13 Mac 2025. Lawatan itu mengetengahkan bagaimana inisiatif kitar semula yang tersusun dan mendapat sokongan komuniti dapat mengubah sisa menjadi sumber yang berharga dengan berkesan, sekali gus menyumbang kepada masa depan yang lebih mampan. Wakil-wakil tersebut berminat untuk

mempelajari kejayaan strategi dan pelaksanaan program kitar semula yang mendapat sokongan komuniti sekali gus memberikan pengiktirafan terhadap program kitar semula Yayasan JCorp sebagai satu model amalan terbaik yang menarik minat wilayah lain.

Lawatan ini bertujuan memberikan kefahaman kepada Majlis Daerah Kapit dan menunjukkan komitmen Yayasan JCorp dalam berkongsi kepakaran serta menyokong usaha kelestarian.

# Sentiasa Di Sisi Masyarakat: Menyokong Komuniti Sepanjang Ramadan

Sebagai bukti komitmen terhadap kesejahteraan komuniti dan penguatan hubungan sosial, Yayasan JCorp bersama sukarelawan daripada Kumpulan JCorp telah menayakan pelbagai inisiatif di sepanjang bulan Ramadan. Program ini merangkumi pelbagai aktiviti komuniti dan sumbangan kewangan, yang memberi sokongan dan keceriaan kepada keluarga yang memerlukan termasuk warga emas. Semangat untuk menyumbang dan sokongan komuniti jelas terlihat sepanjang program ini.

Syarikat Kumpulan JCorp seperti QSR Brands (M) Holdings Bhd, KPJ Healthcare Berhad, dan Farmbyte Sdn Bhd turut serta dalam program ini. Mereka menyumbang set hidangan KFC (250 set), kit penjagaan kesihatan (100 unit), dan jus nanas (100 botol). Kempen derma khas juga dilancarkan bagi menggalakkan sumbangan ikhlas dan semangat sukarelawan daripada anggota pekerja Kumpulan JCorp. Gabungan aktiviti komuniti dan bantuan kewangan ini menunjukkan pendekatan holistik dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan semasa Ramadan dengan memenuhi keperluan mereka serta memupuk perasaan kebersamaan dan sikap keprihatinan.



## Impak Program

Inisiatif	Fokus & Penerima Manfaat	Impak Utama/Nilai Sumbangan	Penglibatan Sukarelawan
<i>Threads of Blessings</i>	Pengumpulan Baju Raya & Agihan kepada Asnaf	<b>737</b> pasang Baju Raya	<b>20</b> sukarelawan
Rezqi Ramadan	Bantuan Makanan Kering untuk keluarga berpendapatan rendah	<b>100</b> pek, berjumlah RM3,500	<b>20</b> sukarelawan
<i>Caring Hearts</i> Ramadan	Bantuan untuk warga emas di Pusat Penjagaan Warga Emas	<b>RM10,000</b>	<b>20</b> sukarelawan
BANTU SEENI bersama Abbe Hae	Bantuan untuk gelandangan dan golongan yang memerlukan di Kuala Lumpur	<b>100</b> pek makanan, <b>250</b> set hidangan KFC, <b>100</b> kit penjagaan kesihatan, <b>100</b> botol jus nanas  Kesedaran awam menerusi: <b>110,000</b> penonton TV, <b>38k</b> + tontonan di Instagram, <b>14k</b> + tontonan di Facebook	<b>20</b> sukarelawan
Program Prihatin Syawal 2025	Bantuan Wang Tunai untuk anggota pekerja B40 JCorp & Kumpulan	<b>700</b> anggota pekerja, berjumlah RM20,000	-


## Objektif Program



Untuk menyantuni komuniti kurang berkemampuan sepanjang Ramadan melalui program turun padang dan bantuan kewangan.



Untuk menggalakkan sumbangan daripada anggota pekerja Kumpulan JCorp melalui kempen sumbangan.



Sila imbas kod QR untuk menyaksikan video maklum balas peserta bagi program BANTU SEENI bersama Abbe Hae



# KPJ Puteri Mengutamakan Kesihatan Komuniti dan Kesejahteraan Mampan



Didorong oleh misi utamanya untuk meningkatkan kesihatan komuniti dan menggalakkan kemampan secara aktif, Hospital Pakar KPJ Puteri secara konsisten terlibat dalam program tanggungjawab sosial korporat yang berimpak tinggi bagi memastikan ahli komuniti mendapat akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan asas serta pengetahuan penting yang diperlukan untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat. Usaha proaktif ini telah berjaya mewujudkan kesedaran dalam komuniti tentang kepentingan pengesanan awal isu-isu kesihatan, faedah mengamalkan perubahan gaya hidup yang lebih sihat, dan kelebihan penjagaan pencegahan secara menyeluruh.

Salah satu inisiatif utama yang berterusan ialah acara komuniti JB Car-free Morning yang diadakan di hadapan bangunan Pejabat MBJB setiap hari Ahad kedua setiap bulan yang telah berlangsung selama tiga tahun berturut-turut. Platform yang berteraskan pemeliharaan alam sekitar ini memberi peluang berharga kepada hospital untuk berinteraksi secara langsung dengan orang ramai sambil menyumbang secara aktif kepada kesejahteraan komuniti setempat melalui galakan gaya hidup sihat dan kesedaran terhadap alam sekitar. KPJ turut menerima pengiktirafan pihak luar atas sumbangan yang positif.

## Objektif Program

- Untuk mempromosi Aplikasi KPJ Cares.
- Untuk menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat dan kesedaran tentang penjagaan kesihatan.
- Untuk menyediakan saringan kesihatan percuma dan mudah diakses seperti pemeriksaan tekanan darah, saringan glukosa dan kolesterol, serta penilaian BMI kepada masyarakat.
- Mengeratkan hubungan antara KPJ Puteri dan penduduk setempat melalui aktiviti CSR yang dijayakan.

## Impak Program

- Menganjurkan acara JB Car-free Morning selama tiga tahun berturut-turut sebanyak **12** kali setahun.
- Menarik secara purata **100** peserta pada setiap acara.
- Memperuntuk **RM1,000** untuk menampung kos dan **5** sukarelawan bagi setiap acara.



## Sorotan Penglibatan dan Acara Yayasan JCorp bagi Suku Pertama 2025

Suku pertama 2025 menyaksikan tahap aktiviti dan penglibatan yang luar biasa oleh Yayasan JCorp merentasi pelbagai sektor termasuk bidang fokus Pendidikan, Alam Sekitar, Seni, Budaya & Warisan serta Kesejahteraan Komuniti. Penglibatan yang menyeluruh ini mencerminkan pendekatan komprehensif Yayasan JCorp dalam memenuhi misinya untuk mencipta nilai dan membina komuniti yang mampan. Pelbagai kerjasama dengan beberapa organisasi termasuk agensi kerajaan, institusi pendidikan, NGO dan entiti korporat membuktikan strategi kerjasama yang berkesan oleh Yayasan JCorp. Kerjasama ini amat penting untuk memanfaatkan sumber, kepakaran dan jangkauan bagi memaksimumkan impak program Yayasan JCorp serta mencapai objektifnya dengan lebih berkesan.





**Menerima kunjungan hormat daripada Yang Berhormat Tuan Aznan bin Tamin, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor.** Perbincangan yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, memberi tumpuan kepada potensi kerjasama strategik yang bertujuan memperkasa pelbagai inisiatif pendidikan di negeri Johor. Penekanan khusus diberikan kepada usaha memperkukuh pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik) selaras dengan keutamaan yang digariskan dalam Bajet Johor 2025. Tuan Haji Mohd Kamal Ahmad Untong, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Pelajar di Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), turut menyertai perbincangan ini. Lawatan ini menyerlahkan hubungan kerja yang kukuh antara Yayasan JCorp dan Kerajaan Negeri Johor, khususnya dalam bidang pendidikan yang utama, serta menonjolkan komitmen bersama untuk memajukan peluang pendidikan di negeri ini.



**Sumbangan RM5,000 kepada Kem Pembangunan Bakat Sahabat Bahasa MBMMBI Peringkat Negeri Johor.** Kem yang diadakan di SK Bandar Putra, Segamat ini melibatkan penyertaan seramai 260 murid dan guru. Program ini adalah lanjutan daripada pertandingan ko-akademik Bahasa Inggeris pada tahun 2024 yang telah menyumbang kepada pembangunan bakat muda. Pelajar dari sekolah terpilih menerima latihan khusus untuk menjadi Sahabat Bahasa yang mempersiapkan mereka untuk membantu sekolah masing-masing meningkatkan penglibatan dan pencapaian dalam pertandingan ko-akademik Bahasa Inggeris untuk tahun 2025. Melalui program komprehensif ini, setiap peserta menerima latihan sebagai persiapan untuk pertandingan Pengucapan Awam, Deklamasi Sajak, dan Bercerita. Inisiatif ini telah dianjurkan oleh Unit Pembangunan Bakat Pelajar, Sektor Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Sokongan ini membuktikan komitmen Yayasan JCorp dalam memupuk kecemerlangan akademik serta menyediakan pelajar dengan kemahiran penting untuk kejayaan masa depan mereka.



**Program berimpak tinggi "Waste to Wonders" telah diadakan di B5 Johor Street Market, Johor Bahru.** Acara ini menampilkan pelbagai aktiviti yang bertujuan mempromosikan amalan kitar semula dan kesedaran alam sekitar dalam komuniti. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk perkhidmatan Kitar Semula Pandu Lalu, Pentas Seni Johor: *Battle of the Buskers*, Kempen Derma dan Pertukaran Buku yang berfokuskan komuniti, Upcycled Market yang memperlihatkan penggunaan semula barangan secara kreatif, sesi *Pound Fit*, bengkel kreatif ArtCHEMY yang inovatif, serta Pertandingan Mewarna yang menarik untuk peserta kanak-kanak. Acara itu merupakan usaha sama dengan pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru, SWM Environment, Yayasan Warisan Johor, dan B5 Johor Street Market Johor Bahru. Kepelbagaian aktiviti yang disediakan memastikan penglibatan meluas daripada komuniti di samping menyampaikan mesej penting tentang kelestarian yang mudah diakses serta dapat menarik khalayak yang lebih besar.



**Menyokong inisiatif berkaitan kesihatan melalui sumbangan 230 set hidangan KFC kepada Program Cancer Awayday 2025.** Program ini dianjurkan oleh Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor (TLJCF) dan diadakan di Forest City Waterpark, Johor Bahru sempena Bulan Sambutan Hari Kanser Sedunia. Seramai 100 peserta termasuk pejuang kanser dan keluarga mereka menyertai program penuh bermakna ini. Inisiatif ini bertujuan memberikan pengalaman yang menyeronokkan dan membangkitkan semangat kepada penghidap penyakit kanser, mengukuhkan semangat juang mereka dan menyediakan persekitaran yang sentiasa memberi dorongan. Sumbangan ini menyerlahkan keprihatinan Yayasan JCorp dan komitmennya untuk membantu individu dan keluarga yang terjejas akibat kanser.



**Bekerjasama dengan Yayasan Warisan Johor melalui Inisiatif Kain Benang Johor.** Satu kejayaan penting telah direalisasikan melalui Majlis Pelancaran Kain Benang Johor Koleksi Qalbu dan Program Kolaborasi produk Kain Benang Johor. Majlis ini berlangsung di Dewan Utama Yayasan Warisan Johor dan diserikan dengan kehadiran Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp. Ia menunjukkan kepentingan kerjasama bagi kedua-dua organisasi. Inisiatif ini mencerminkan komitmen bersama dalam memelihara dan mempromosi warisan budaya Johor yang kaya melalui seni penghasilan kain benang dan tenunan.



**Sebagai satu lagi bukti komitmen terhadap Kesejahteraan Komuniti, Yayasan JCorp telah menyumbang sebanyak RM10,000 kepada dua pertubuhan warga emas.** Penerima sumbangan ialah Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan dan Rumah Jagaan Impian Syimah. Sumbangan disampaikan semasa Ramadan *Mosque Open Day* 2025 anjuran Waqaf An Nur Corporation Berhad di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru. Penyerahan sumbangan disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman. Inisiatif murni ini memberikan sokongan yang bermakna kepada kedua-dua organisasi dalam usaha mereka menjaga kebajikan warga emas sepanjang bulan Ramadan yang mulia.



**Wakil-wakil daripada Majlis Daerah Kapit, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) melawat Inisiatif Kitar Semula Pandu Lalu Yayasan JCorp yang terletak di B5 Johor Street Market, Johor Bahru.** Tujuan lawatan adalah untuk mendapatkan pengetahuan dan pandangan secara langsung tentang usaha kitar semula yang berkesan dan amalan pengurusan sisa mampan yang dilaksanakan oleh Yayasan JCorp. Lawatan ini menunjukkan pengiktirafan program kitar semula Yayasan JCorp sebagai contoh utama yang boleh dijadikan rujukan dan berpotensi untuk diterapkan oleh pihak berkuasa.



**Jelajah *Changemaker* telah melakar impak di Institut Latihan Perindustrian Mersing, Institut Perguruan Kampus Tun Hussein Onn, Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor, Kolej Vokasional Tanjung Puteri, dan Politeknik Sultan Ibrahim.** Seramai 400 pelajar universiti telah menyertai lawatan ini yang merupakan hasil kerjasama yang bermakna antara Yayasan JCorp dan *The Changemaker Malaysia*. Inisiatif ini bertujuan memperkasa golongan muda yang menjadi pemacu perubahan dengan kemahiran dan keyakinan untuk memimpin projek sosial yang bermakna dalam komuniti mereka.

Para peserta telah mengikuti Bengkel Pengurusan Kesan Sosial di mana mereka memperoleh pengetahuan praktikal dalam membangunkan idea berimpak tinggi, perancangan strategik, kemahiran pitching, pengukuran impak dan penceritaan yang berkesan. Program ini bukan sekadar bengkel tetapi merupakan perjalanan ke arah membina daya tahan, memupuk kepimpinan, dan melahirkan generasi baharu penggerak perubahan yang komited untuk menjadikan Malaysia, dan juga dunia, tempat yang lebih baik.



**Yayasan JCorp melebarkan sayapnya ke luar Johor dengan terlibat secara aktif dalam program CSR di Kuala Lumpur, menyalurkan bantuan kepada 100 gelandangan dan kumpulan kurang berkemampuan di Chow Kit.** Inisiatif ini yang dikenali sebagai Bantu Seeni Bersama Abbe Hae menunjukkan komitmen menyeluruh Yayasan JCorp terhadap tanggungjawab sosial dan kesediaannya untuk membantu komuniti rentan di kawasan lain di negara ini. Program ini menyediakan bantuan dan sokongan yang amat diperlukan kepada mereka yang menghadapi kesusahan



**Yayasan JCorp menyantuni mereka yang memerlukan di sepanjang bulan Ramadan yang mulia dengan mengagihkan 100 pek bantuan makanan kering pada Majlis Iftar Perdana & Nuzul Al-Quran Bersama Asnaf di Masjid An-Nur, Taman Cendana, Pasir Gudang.** Inisiatif ini yang dianjurkan dengan kerjasama Waqaf An-Nur Corporation Berhad bertujuan meringankan beban yang dihadapi komuniti dalam membuat persiapan menyambut Aidilfitri. Selain itu, sejumlah 737 pasang Baju Raya telah disumbangkan kepada mereka yang memerlukan. Sumbangan ini dijayakan melalui kutipan bersama oleh anggota pekerja, Kumpulan JCorp melalui kempen *Threads of Blessing* dan Rezqi Ramadan, mempamerkan semangat keprihatinan yang tinggi dalam kalangan anggota pekerja.



**Yayasan JCorp dan Unit Sustainability Johor Corporation telah menerima kunjungan hormat YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor.**

Sesi yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan JCorp, Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, memberikan pandangan tentang usaha kelestarian berterusan Johor Corporation. Perbincangan turut merangkumi potensi kerjasama untuk memajukan lagi agenda pemeliharaan alam sekitar Johor serta memfokus kepada pengukuhan kerjasama antara sektor awam dan swasta ke arah masa depan yang lebih hijau bagi negeri ini. Penglibatan peringkat tinggi ini menyerlahkan komitmen Yayasan JCorp terhadap kelestarian alam sekitar serta peranan aktifnya dalam menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan untuk mencapai objektif alam sekitar bersama.



**Menerima kunjungan delegasi Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim (IPGKTI).**

Sesi yang diadakan di Cerebrum, Menara KOMTAR, JBCC itu dihadiri oleh 24 peserta yang diketuai oleh Dr Khalidah Ahmad, Ketua Jabatan Sains IPGKTI. Matlamat utama lawatan itu adalah untuk memberikan para peserta kefahaman yang lebih mendalam tentang peranan dan tanggungjawab penting Yayasan JCorp sebagai agensi pelaksana tanggungjawab sosial korporat dengan berkesan. Selepas sesi perkongsian yang bermanfaat ini, perbincangan diteruskan dengan meneroka potensi kerjasama masa depan antara IPGKTI dan Yayasan JCorp. Ia mencerminkan kepentingan bersama untuk bekerjasama demi kebaikan komuniti.



**Satu sesi temu bual bersama Ketua Pegawai Eksekutif, Puan Zaidatul Zurita Abdul Rahman, telah disiarkan menerusi program Borak Seeni di Astro Prima (saluran 105).** Topik utama temu bual ialah Tanggungjawab Sosial kepada masyarakat. Ia menyediakan platform untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pelbagai inisiatif Yayasan JCorp dan komitmennya dalam memberi impak positif kepada masyarakat. Penglibatan media ini menunjukkan pendekatan proaktif Yayasan JCorp dalam menyampaikan misi dan pencapaiannya kepada khalayak yang lebih luas



**Pada Program Prihatin Syawal anjuran Mutiara Johor Corporation, Yayasan JCorp telah menyumbang sejumlah RM20,000 untuk diagihkan kepada anggota pekerja Kumpulan JCorp yang memerlukan.**

Majlis penyerahan sumbangan berlangsung dalam suasana penuh bermakna yang diadakan sempena Majlis Iftar #TeamJCorp di Persada Johor. Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini Mohd Sani menyampaikan sumbangan kepada Pengerusi Mutiara JCorp, Yang Berbahagia Datin Zaidah Zakaria. Program penuh keprihatinan ini menzahirkan komitmen Yayasan JCorp terhadap kebajikan anggota pekerja JCorp dan Syarikat Dalam Kumpulan serta memupuk persekitaran kerja yang berteraskan empati dan saling menyokong antara satu sama lain.

# Kalendar Acara Akan Datang

## Suku Kedua hingga Suku Keempat 2025

Kami mengalu-alukan warga kerja dan sukarelawan awam untuk menyertai acara-acara akan datang yang disenaraikan dalam **tulisan tebal**.



Pendidikan	Tarikh
1. Sesi Temuduga/Saringan bagi pengambilan kohort 3 – KFC & KPJ	April & Mei 2025
2. Pemetaan Modul KPJ & FGD	April & Mei 2025
3. Pelancaran Modul dan TOT Guru	Mei 2025
4. Projek Lawatan Semula National Institute of Education, Singapura di Johor	Mei 2025
5. Majlis Graduasi ADi Kohort 1	Jun 2025
6. Projek Tuisyen Yayasan JCorp - Kem Bahasa Inggeris	Jun 2025
7. Majlis Pelancaran Rumah Hijau - SMK Sri Medan, Batu Pahat dan SMK Buluh Kasap, Segamat	Jun 2025
8. Membina rumah hijau untuk SMK Telok Kerang, Pontian & SMK Bandar Penawar, Kota Tinggi	Julai 2025
9. <i>Schoolpreneur Day</i>	Julai 2025
<b>10. Pertandingan Choral Speaking Peringkat Negeri Johor</b>	<b>Ogos 2025</b>
<b>11. Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Negeri Johor</b>	<b>September 2025</b>
12. Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Kebangsaan	Oktober 2025



Alam Sekitar	Tarikh
<b>1. Penanaman Pokok Bakau @ Tanjung Surat</b>	<b>30 Mei 2025</b>
<b>2. Seagrass Ecotourism Experience @ Pulau Setindan, Mersing</b>	<b>19 Jun 2025</b>
<b>3. Growing Together Trees for Schools @ Kota Tinggi</b>	<b>25 &amp; 26 Jun 2025</b>
<b>4. Program Pemulihan Terumbu Karang @ Pulau Aur</b>	<b>18 -20 Julai 2025</b>
5. Projek Hidupan Liar Sindora	Ogos 2025
6. Pemasangan kuasa solar di sekolah luar grid	September 2025
7. Pembersihan Sungai @ Pasir Gudang	September 2025
8. Membina Pusat Kitar Semula baharu @ Hospital Pakar KPJ Bandar Maharani	Oktober 2025



Seni, Budaya & Warisan	Tarikh
1. Pentas Seni Johor @ Kota Jail Johor Bahru	Mei 2025
2. Inisiatif Galeri Seni Yayasan JCorp @ Hospital Pakar KPJ Kajang	Jun 2025
3. <i>Heritage In Motion</i> : Pelancaran Kolaborasi Kain Benang - Yayasan JCorp x Yayasan Warisan Johor	Jun 2025
4. Kita Serumpun! (Malaysia, Indonesia, Singapura) @ B5 Johor Street Market	Ogos 2025
5. Kursus Asas Tenun Johor di Yayasan Warisan Johor/Perintis Seni Johor	Ogos 2025
6. <i>Sound of Johor</i> @Raja Zarith Sofiah Opera House	Ogos 2025
<b>7. Pentas Seni Johor x Keretapi Sarong 2025 x JB Town Fest</b>	<b>September 2025</b>
8. Kelas Lestari Budaya dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor	September 2025
9. <i>Wonderful Nusantara Festival</i>	Oktober 2025
10. Festival Pentas Seni Johor	Disember 2025
11. Majlis Graduasi dan Pemilihan Pelajar untuk Penempatan di Institut Kraf Negara	Disember 2025



Kesejahteraan Komuniti	Tarikh
1. <i>Reskilling Programme for Retirees</i>	Jun 2025
2. Program Pengesanan Awal	Jun 2025
3. Penempatan Kerja untuk Orang Kurang Upaya	Julai 2025
4. Saringan Awal bagi Individu Bereperluan Khas dan Isu Kesihatan Mental Kanak-kanak	Julai 2025
<b>5. Laksamana Run</b>	<b>Ogos 2025</b>
<b>6. Bengkel Kesihatan Mental</b>	<b>September 2025</b>
<b>7. Larian Pinktober</b>	<b>Oktober 2025</b>
<b>8. Hari Kesedaran Autisme</b>	<b>November 2025</b>



**YAYASAN JOHOR CORPORATION**


Level 18, Menara KOMTAR  
80888 Ibrahim International Business District  
Johor Darul Ta'zim, Malaysia


Emel: [yayasanjcorp@jcorp.com.my](mailto:yayasanjcorp@jcorp.com.my)


**[yayasanjcorp.com.my](http://yayasanjcorp.com.my)**

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjohorcorporation

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp

 @yayasanjcorp